

# Lawatan Anwar ke Peru buka peluang eksport RM1.24 bilion

**Lawatan** sulung Datuk Seri Anwar Ibrahim, sejak menjadi Perdana Menteri ke Peru bukan saja mengeratkan hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara, malah turut membuka peluang eksport bernilai RM1.24 bilion.

Inisiatif tercetus hasil usaha Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dalam memperkukuh hubungan dagangan Malaysia-Peru.

Anwar berkata, syarikat dari Peru menunjukkan minat terhadap produk Malaysia seperti bahan binaan berasaskan keluli dan kaca, peralatan dan produk perubatan, minyak sawit, bahan kimia, serta produk makanan dan minuman.

“Kami akan melaksanakan tindakan susulan, terutama dalam aspek kerjasama logistik dan pelabuhan, bagi memudahkan proses eksport antara kedua-dua negara,” katanya pada sidang media selepas Minggu Pemimpin Ekonomi (AELW) Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di sini.

Beliau turut mengadakan pertemuan dengan 22 pemimpin perniagaan mewakili 17 syarikat Peru yang terbabit dalam pelbagai industri termasuk farmaseutikal, bahan binaan, produk berasaskan kimia, dan makanan kesihatan.

Setakat ini, syarikat Peru mengimport barang bernilai RM435.27 juta (AS\$95.44 juta) dari Malaysia.

Dari sudut pelaburan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mengenal pasti tujuh syarikat Peru yang berminat melabur di Malaysia.

Fokus utama syarikat berkenaan ialah sektor pemprosesan

makanan, perkhidmatan logistik bersepadu, dan farmaseutikal.

“Kerajaan komited memastikan semua peluang pelaburan dan perdagangan ini direalisasikan dengan segera bagi manfaat bersama,” tambah Anwar.

Lawatan itu turut disertai 16 syarikat Malaysia, termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang menyertai sesi perbincangan meja bulat dengan pemimpin industri Peru.

Langkah berkenaan membuka ruang kepada kerjasama baharu dan memperkukuh hubungan perdagangan dua hala.

Di sela mesyuarat APEC, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, turut mengadakan perbincangan dua hala dengan rakan sejawat dari Singapura, Jepun dan New Zealand.

Bersama Menteri Kelestarian dan Alam Sekitar Singapura, Grace Fu, perbincangan tertumpu persiapan Pemukiman Tahunan Pemimpin Singapura-Malaysia Disember 2024 serta perancangan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025.

Dengan Jepun, pertemuan dengan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Muto Yoji, menekankan persiapan Ekspo Osaka 2025 dan kerjasama dalam sektor tenaga hijau.

Sementara itu, pertemuan dengan Menteri Perdagangan New Zealand, Todd McClay, menyentuh isu perdagangan bebas, geopolitik serantau, dan pensijilan halal.

Langkah proaktif ini jelas menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam memperkukuh kedudukan Malaysia di arena antarabangsa.